A

Aszahaddi bin Abu Hassan lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH PERSEKUTUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO 05–52 TAHUN 2010 (P)
ARIFIN ZAKARIA HB (MALAYA), HASHIM YUSOFF DAN ABDULL HAMID EMBONG HHMP
7 JULAI 2010

C

Keterangan — Saksi — Kegagalan memanggil saksi — Sama ada terdapat penyembunyian keterangan — Sama ada s 114(g) Akta Keterangan terpakai

D

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan — Perayu disabitkan bersalah dan dihukum atas kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Mahkamah Rayuan mengekalkan sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi — Sama ada hakim Mahkamah Rayuan patut dikecualikan daripada menyertai persidangan kes di Mahkamah Rayuan — Beban di akhir kes pendakwaan — Sama ada s 114(g) Akta Keterangan terpakai atas kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi — Sama ada pihak pendakwaan gagal mengemukakan keterangan terbaik melalui CCTV — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)

E

F

Perayu telah memfailkan rayuan semasa terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang telah mengekalkan sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi ke atas perayu di atas tuduhan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Alasan-alasan rayuan yang dibangkitkan adalah: (a) korum pertama Mahkamah Rayuan yang disertai antaranya oleh YA Dato' Hasan Lah telah membenarkan bantahan awal perayu mengenai kemasukan eksh ID18 ke dalam rekod rayuan manakala korum kedua yang turut dianggotai oleh YA Dato' Hasan Lah pula telah menolak isu bantahan awal tersebut, oleh itu, perayu berhujah bahawa YA Dato' Hasan Lah sepatutnya mengecualikan dirinya daripada menyertai korum kedua yang bersidang pada 26 April 2010 kerana perintah yang dibuat oleh korum pertama tersebut; (b) Mahkamah Rayuan telah silap kerana tidak menyatakan bahawa hakim Mahkamah Tinggi telah membuat kesilapan apabila hanya merujuk kepada kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65 di akhir kes pendakwaan dan telah menggunakan beban bukti yang salah kerana beliau sepatutnya juga merujuk kepada kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301 ('Balachandran'); (c) kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil Mohd Sabri Hasan sebagai saksi telah menjejaskan pembelaan perayu kerana sekiranya dia dipanggil sebagai saksi atau sekurang-kurangnya ditawarkan kepada pihak pembelaan,

G

H

I

dia boleh di soal-balas tentang beg (P11) yang mengandungi dadah tersebut yang dikatakan berada di dalam raga motosikal yang ditunggangnya; dan (d) kegagalan pihak pendakwaan memberi keterangan terbaik melalui CCTV di kawasan kejadian.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan sabitan dan hukuman yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi:

(1) Tidak ada keterangan untuk menunjukkan bantahan dibuat terhadap kehadiran YA Dato' Hasan Lah semasa Yang Arif berkenaan bersidang pada 26 April 2010. Oleh itu adalah tidak tepat untuk bantahan terhadap Yang Arif berkenaan menyertai korum kedua itu dibangkitkan di hadapan Mahkamah Persekutuan setelah rayuan di Mahkamah Rayuan selesai didengarkan. Mahkamah mendapati kehadiran YA Dato' Hasan Lah dalam korum kedua tersebut tidak memudaratkan perayu kerana berdasarkan penghakiman bertulis, hakim Mahkamah Rayuan jelas tidak merujuk kepada ID18 yang dipertikaikan itu. Oleh itu, tidak ada ketidakadilan yang berlaku (lihat perenggan 5).

(2) Mahkamah bersetuju dengan Mahkamah Rayuan bahawa peguam perayu telah membuat tafsiran yang tidak tepat mengenai penghakiman dalam kes *Balachandran*. Jelas dari kes *Balachandran* bahawa beban pihak pendakwaan di akhir kes pendakwaan ialah hanya untuk membuktikan kes prima facie sahaja seperti yang diperuntukkan oleh s 180(1) Kanun Tatacara Jenayah (lihat perenggan 9).

(3) Mahkamah mendapati bahawa Mahkamah Rayuan telah meneliti isu berkaitan dengan alasan rayuan ketiga di mana Mahkamah Rayuan mengatakan bahawa segala usaha pihak polis untuk mengesan Mohd Sabri gagal tetapi oleh sebab usaha pihak pendakwaan untuk memasukkan percakapan Mohd Sabri kepada pihak polis tidak diterima oleh mahkamah bicara, ia tidak bererti pihak pendakwaan telah melakukan 'withholding or suppression of evidence'. Oleh itu, s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai dalam kes semasa (lihat perenggan 13).

(4) Perayu ditangkap tidak jauh daripada tempat motosikal di mana Mohd Sabri berada dan keterangan SP6 dan SP7 adalah jelas yang menyatakan penglihatan mereka tentang pergerakan perayu di tempat kejadian dan tangkapan. Oleh itu, mahkamah mendapati bahawa keterangan mereka adalah mencukupi dan tidak perlu mendapat sokongan melalui CCTV (lihat perenggan 16).

(5) Yang Arif hakim bicara telah membuat dapatan fakta yang betul setelah menilai semua keterangan sepenuhnya. Dengan keterangan langsung dari SP6 dan SP7 yang jelas mengesahkan perayu yang membawa P11

itu, maka tidak syak lagi pada masa yang material perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas P11 (lihat perenggan 17).

[English summary

The appellant had filed the present appeal against the decision of the Court of Appeal affirming the conviction and sentence passed by the High Court against the appellant on the charge of trafficking in dangerous drugs under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952. The grounds of appeal raised were: (a) the first quorum of the Court of Appeal which include YA Dato' Hasan Lah had allowed the appellant's preliminary objection related to the insertion of exh ID18 into the record of appeal whereas the second quorum which also include YA Dato' Hasan Lah had dismissed the said preliminary objection, as such, the appellant submitted that YA Dato' Hasan Lah should recuse from joining the second quorum to hear the case on 26 April 2010 because of the order made by the first quorum; (b) the Court of Appeal erred in failing to state that the High Court judge was erred when His Lordship referred to the case of *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65 at the end of the prosecution's case and when His Lordship used the wrong burden of proof because His Lordship should have referred to the case of *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301 ('Balachandran'); (c) the failure of the prosecution to call Mohd Sabri Hasan as a witness had prejudiced the appellant's defence because, if he was called as a witness or at least offered to the appellant, Mohd Sabri could be cross-examined on the issue related to the bag that contained the said drugs (P11) which allegedly was seen in the basket of the motorcycle ridden by Mohd Sabri; and (d) the failure of the prosecution to give the best evidence through the CCTV in the area.

Held, dismissing the appeal and affirming the conviction and sentence by the High Court:

(1) There was no evidence to show that the objection made against the attendance of YA Dato' Hasan Lah when His Lordship heard the case on 26 April 2010.Therefore, it was inaccurate for the said objection to be raised before the Federal Court after the appeal in the Court of Appeal concluded. The court found that the attendance of YA Dato' Hasan Lah in the second quorum did not prejudice the appellant because based on the written judgment, the judge of the Court of Appeal clearly did not refer to the disputed ID18. As such, there was no injustice (see para 5).

(2) The court agreed with the Court of Appeal that the appellant's counsel had made the wrong assumption on the judgment in the case of *Balachandran*. It was clear from the case of *Balachandran* that the burden on the prosecution at the end of the prosecution's case was only to prove prima facie case as provided under s 180(1) Criminal Procedure Code (see para 9).

(3) The court found that the Court of Appeal had observed the issue related to the third ground of appeal where the Court of Appeal said that all the effort by the police to detect the whereabout of Mohd Sabri was unsuccessful, nevertheless, because of the effort by the prosecution to tender Mohd Sabri's evidence to the police was not accepted by the trial court, it did not mean that the prosecution had conducted 'withholding or suppression of evidence'. Thus, s 114(g) of the Evidence Act 1950 was not applicable in the present case (see para 13).

(4) The appellant was arrested nearby the motorcycle where Mohd Sabri was located and the evidence of SP6 and SP7 was clear that they saw the movement of the appellant in the area of the incident and the arrest. Therefore, the court found that their evidence was enough and there was no requirement for corroboration vide CCTV evidence (see para 16).

(5) The honorable trial judge had made the correct finding of fact after conducting maximum evaluation of the evidence. With the direct evidence by SP6 and SP7 which clearly affirmed that the appellant was the one who carried P11, hence, there was no doubt that at the material time the appellant had the custody and control of P11 (see para 17).]

Nota-nota

Untuk satu kes mengenai kegagalan memanggil saksi, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 3711.

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 501–502.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)

Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 3 CLJ 2073, MA (dirujuk)

Ti Chuee Hiang v PP [1995] 2 MLJ 433; [1995] 3 CLJ 1, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)
Akta Keterangan 1950 ss 32(1)(i), 114(g)
Kanun Tatacara Jenayah s 180(1)

Hashim Yusoff HMP:

[1] Ini adalah suatu rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang telah mengekalkan sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi ke atas perayu di atas tuduhan mengedar dadah berbahaya

iaitu cannabis seberat 4562 gram di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Semakan 1980) ('Akta'). A

FAKTA KES

[2] Fakta kes adalah seperti yang dinyatakan dalam alasan penghakiman Mahkamah Rayuan (sila lihat ms 2–6) dan kami rasa tidak perlu diulangi di sini lagi. B

ALASAN RAYUAN PERTAMA C

[3] Di awal penghujahannya, peguam bagi pihak perayu membangkitkan isu bahawa YA Dato' Hasan Lah, salah seorang ahli panel Mahkamah Rayuan yang mendengar rayuan daripada Mahkamah Tinggi berkenaan sepatutnya mengecualikan dirinya daripada mendengar rayuan ini kerana Yang Arif berkenaan telah turut menyertai korum Mahkamah Rayuan yang bersidang pada 13 Ogos 2009 bersama YA Datuk Wira Low Hop Bing dan YA Dato' Sulaiman bin Daud (korum pertama). D

[4] Isu ini timbul berkaitan bantahan awal yang dibangkitkan oleh peguam perayu mengenai kemasukan satu eksh ID18, ke dalam rekod rayuan, di mana korum pertama itu telah membenarkan bantahan awal tersebut dan memerintahkan supaya eksh ID18 dipadamkan dari rekod rayuan. Namun apabila rayuan kes ini didengarkan pada 26 April 2010 di hadapan Mahkamah Rayuan, YA Dato' Hasan Lah juga menyertai korum Mahkamah Rayuan bersama YA Dato' Suriyadi Halim Omar (Hakim Mahkamah Rayuan ketika itu) dan YA Dato' Ahmad bin Hj Maarop (korum kedua) di mana mereka telah menolak isu bantahan awal tersebut. Oleh itu peguam bagi pihak perayu menghujahkan YA Dato' Hasan bin Lah tidak sepatutnya menyertai korum kedua tersebut kerana perintah yang dibuat oleh kuorum pertama itu. Justeru kes rayuan di peringkat Mahkamah Rayuan seharusnya di dengar oleh suatu korum yang lain. E F G

[5] Kami dapati tidak ada keterangan untuk menunjukkan bantahan dibuat terhadap kehadiran YA Dato' Hasan Lah semasa Yang Arif berkenaan bersidang bersama YA Dato' Suriyadi Halim Omar dan YA Dato' Sulaiman bin Daud pada 26 April 2010. Oleh itu adalah tidak tepat untuk bantahan terhadap Yang Arif berkenaan menyertai korum kedua itu dibangkitkan di hadapan kami setelah rayuan di Mahkamah Rayuan selesai didengarkan. Kami berpendapat kehadiran YA Dato' Hasan Lah dalam korum kedua pada 26 April 2010 itu tidak memudaratkan pihak perayu. Keputusan Mahkamah Rayuan yang bersidang pada 26 April 2010 adalah sebulat suara. Penghakiman bertulis yang dibuat oleh YA Dato' Ahmad bin Hj Maarop, Hakim Mahkamah Rayuan jelas tidak merujuk kepada ID18 yang dipertikaikan itu. Kami H I

berpendapat tidak ada ketidakadilan yang berlaku dan oleh itu hujahan peguam perayu mengenai isu ini tidak dapat diterima.

ALASAN RAYUAN PERTAMA, KETIGA DAN KELIMA

Isu beban bukti di akhir kes pendakwaan

[6] Peguam perayu menghujahkan Mahkamah Rayuan telah silap kerana tidak menyatakan bahawa Hakim Mahkamah Tinggi yang mendengar kes ini telah membuat kesilapan apabila Yang Arif berkenaan hanya merujuk kepada kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecution* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734 di akhir kes pendakwaan dan telah menggunakan beban bukti yang salah kerana beliau sepatutnya juga merujuk kepada kes *Balachandran v Public Prosecution* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 di mana telah diputuskan bahawa di akhir kes pendakwaan, YA hakim bicara patut menyoalkan dirinya 'jika tertuduh berdiam diri setelah pembelaan dipanggil, adakah mahkamah berkeadaan untuk mensabitkannya bergantung semata-mata di atas keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan di akhir kes pendakwaan?'.

[7] Dihujahkan, sekiranya persoalan ini dibuat oleh YA hakim bicara, ia akan memerlukan beliau untuk mengarahkan minda beliau sama ada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan di akhir kes pendakwaan adalah sebagaimana yang boleh dikatakan bahawa suatu kes di tahap melampaui keraguan yang munasabah telah dibuktikan terhadap perayu. Oleh sebab YA hakim bicara gagal untuk menyoalkan dirinya seperti yang diputuskan oleh kes *Balachandran* itu, maka keputusan beliau untuk memanggil perayu supaya membuat pembelaannya adalah merupakan suatu kecacatan.

[8] Timbalan pendakwa raya yang terpelajar pula menjawab bahawa kes *Looi Kow Chai v Public Prosecutior* menggunakan ujian penilaian maksimum manakala kes *Balachandran v Public Prosecutior* memutuskan, antara lain, bahawa di akhir kes pendakwaan tahap pembuktian adalah untuk membuktikan suatu kes prima facie sahaja mengikut s 180(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ').

[9] Isu ini telah juga dipertimbangkan sepenuhnya oleh Mahkamah Rayuan dalam alasan penghakimannya (sila lihat perenggan 14–18 rekod rayuan tambahan). Kami bersetuju dengan Mahkamah Rayuan bahawa peguam perayu telah membuat tafsiran yang tidak tepat mengenai penghakiman dalam kes *Balachandran v Public Prosecutior.* Jelas dari kes *Balachandran v Public Prosecutior* bahawa beban pihak pendakwaan di akhir kes pendakwaan ialah hanya untuk membuktikan kes prima facie sahaja seperti yang diperuntukkan oleh s 180(1) KTJ. Dalam kes itu, antara lain,

diputuskan:

(5) Oleh sebab tertuduh boleh disabitkan atas keterangan prima facie, ia perlu sampai ke suatu tahap di mana ia berupaya menyokong suatu sabitan di luar keraguan munasabah. Akan tetapi, harus dinyatakan bahawa ia tidak boleh, pada ketika itu, dengan betulnya digambarkan sebagai suatu kes yang telah dibuktikan di luar keraguan munasabah. Bukti di luar keraguan munasabah melibatkan dua aspek. Manakala satu adalah beban undang-undang ke atas pihak pendakwa, satu lagi merujuk kepada beban keterangan atas tertuduh untuk mewujudkan keraguan munasabah. Kedua-dua beban ini hanya boleh dilaksanakan pada akhir keseluruhan kes apabila pihak pembela telah menutup kes mereka. Oleh itu, sesuatu kes hanya boleh dikatakan sebagai dibuktikan di luar keraguan munasabah pada akhir sesuatu kes selepas mengambil kira semua keterangan yang dimajukan di bawah s 182A(1) KAJ. Itulah keadaan lazimnya apabila tertuduh selesai memberi keterangan. Akan tetapi, apabila tertuduh berdiam diri, tidak terdapat keperluan untuk menilai semula bukti untuk memutuskan sama ada terdapat keraguan munasabah dalam ketiadaan apa-apa bukti yang selanjutnya untuk membuat pertimbangan tersebut. Keterangan prima facie yang berupaya untuk menyokong suatu sabitan di luar keraguan munasabah akan membentuk bukti di luar keraguan munasabah (lihat perenggan 23).

ALASAN RAYUAN KE-15 DAN KE-16

[10] Peguam perayu menghujahkan bahawa perayu hanya menjadi pembonceng motosikal yang ditunggang oleh seorang yang bernama Mohd Sabri Hasan pada masa kejadian. Perayu di dalam pembelaannya menyatakan bahawa beg (P11) yang mengandungi dadah tersebut itu bukan kepunyaannya. Sebaliknya perayu mengatakan beg (P11) itu sudah sedia ada di dalam raga motosikal yang ditunggang oleh Mohd Sabri semasa dia mengajak perayu pergi bersamanya ke Pulau Pinang.

[11] Seterusnya dihujahkan bahawa kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil Mohd Sabri Hasan sebagai saksi telah menjejaskan pembelaan perayu kerana sekiranya dia di panggil sebagai saksi atau sekurang-kurangnya ditawarkan kepada pihak pembelaan, dia boleh di soal-balas tentang beg (P11) yang dikatakan berada di dalam raga motosikal itu.

Rujukan dibuat kepada kes *Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 433; [1995] 3 CLJ 1 di mana, antara lain, diputuskan:

(1) Meskipun pihak pendakwa mempunyai budi bicara yang sepenuhnya berkenaan dengan pilihan saksi yang akan dipanggil di perbicaraan, ia juga mempunyai tanggungjawab untuk memanggil kesemua saksi yang diperlukan untuk membentangkan naratif kes pihak pendakwa, supaya menunjukkan bukti terhadap tertuduh yang melebihi keraguan munasabah. Sekurang-kurangnya, pendakwa harus menyediakan mereka untuk pemeriksaan balas oleh pihak pembela. Jika pihak pendakwa gagal memenuhi tanggungjawab ini, tertuduh mesti dibebaskan.

[12] Timbalan pendakwa raya pula menghujahkan bahawa keterangan Mohd Sabri Hasan tidak penting sebab perayu ditangkap semasa dia membawa beg (P11) itu. Juga dihujahkan bahawa tidak terdapat 'withholding or suppression of evidence' kerana pihak pendakwa telah cuba untuk memasukkan ID18 iaitu percakapan Mohd Sabri yang dibuat kepada polis sebagai keterangan di bawah s 32(1)(i) Akta Keterangan 1950. Ini adalah untuk mengelakkan 'adverse inference' terhadap pihak pendakwaan apabila Mohd Sabri tidak dipanggil sebagai saksi.

[13] Kami berpendapat Mahkamah Rayuan telah juga meneliti isu ini di mana ia mengatakan bahawa segala usaha pihak polis untuk mengesan Mohd Sabri gagal tetapi oleh sebab usaha pihak pendakwa untuk memasukkan percakapan Mohd Sabri kepada polis tidak diterima oleh mahkamah bicara, ia tidak bererti pihak pendakwa telah melakukan 'withholding or suppression of evidence'. Dengan itu s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai dalam kes ini.

[14] Keterangan SP6 yang mengetuai satu pasukan trafik yang membuat operasi 'snap check' motosikal di tempat kejadian jelas menyatakan bahawa beliau nampak perayu sebagai pembonceng turun daripada motosikal dalam keadaan membimbit beg (P11) di tangan kanannya dan memegang helmet di tangan kirinya (lihat rekod). Seterusnya dia bersama Koperal Tajudin (SP7) telah mengekori perayu ke belakang rumah tol No 10, di mana dia mendapati perayu dalam keadaan mencangkung dan masih memegang beg (P11) itu. Dia juga mendapati perayu dalam keadaan takut dan cemas.

[15] Dalam alasan penghakiman YA hakim bicara, jelas Yang Arif berkenaan telah menimbang isu sama ada beg (P11) adalah kepunyaan perayu atau Mohd Sabri. YA hakim bicara telah bergantung pada kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 3 CLJ 2073 sebagai panduan dan telah menimbang keterangan yang ada secara keseluruhannya untuk menentukan sama ada cerita perayu yang menafikan beg (P11) itu kepunyaannya, ada kemungkinan betul atau tidak. Namun setelah menilai keterangan perayu bersama-sama keterangan pihak pendakwaan secara keseluruhannya, YA hakim membuat dapatan fakta bahawa cerita perayu bahawa beg (P11) telah sedia ada di pondok tol No 10, dan perayu dibawa ke situ oleh SP7 dan disuruh mengaku adalah rekaan perayu sahaj a dan tidak munasabah kerana apabila perayu mendakwa dia dijemput oleh Mohd Sabri, dia mengatakan beg (P11) sudah berada di dalam raga motosikal dan semasa perayu turun dari motosikal di plaza tol, beg P11 masih berada di tempat yang sama (lihat rekod rayuan ms 288–289). Mahkamah Rayuan mendapati yang arif hakim bicara tidak tersalah arah berdasarkan keterangan yang ada itu yang disokong oleh keterangan SP7. Kami juga berpendapat tiada sebab untuk kami mengusik dapatan fakta yang dibuat oleh YA hakim bicara itu.

ISU CCTV

[16] Peguam perayu berhujah bahawa oleh sebab terdapat CCTV di kawasan plaza tol berkenaan, mengapa pihak pendakwaan tidak memberi keterangan terbaik melaluinya? Timbalan pendakwa raya menjawab bahawa perayu ditangkap jauh daripada tempat motosikal di mana Mohd Sabri berada dan keterangan dari SP6 dan SP7 adalah jelas yang menyatakan penglihatan mereka tentang pergerakan perayu di tempat kejadian dan tangkapan. Oleh itu kami berpendapat keterangan mereka mencukupi dan tidak perlu mendapat sokongan melalui CCTV.

[17] Seperti yang kami katakan di atas, YA hakim bicara telah membuat dapatan fakta yang betul setelah menilai semua keterangan sepenuhnya. Dengan keterangan langsung dari SP6 dan SP7 yang jelas mengesahkan perayu yang membawa beg (P11) itu, maka tidak syak lagi pada masa yang material perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas P11.

[18] Berdasarkan sebab-sebab di atas kami menolak rayuan ini. Sabitan dan hukuman yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan.

Rayuan ditolak; sabitan dan hukuman yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar